

# PNB yakin terus

Oleh Nor Liza Ahmad

BH 18 APR 2000

PELABUR seharusnya tidak terburu-buru dalam membuat pelaburan yang semata-mata berasaskan kepada khabar angin sebaliknya mereka perlu mendapat maklumat terperinci mengenai saham syarikat yang hendak dilabur.

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Hamad Kama Piah Che Othman, berkata pelabur perlu melihat kesan pelaburan mereka untuk jangka panjang.

Ketidaktentuan pasaran saham semasa bukan memberi ke-

san buruk kepada pelaburan jangka pendek, malah tindakan untuk mengaut keuntungan dalam tempoh singkat turut membawa padah kepada mereka.

Bagaimanapun beliau juga melahirkan keyakinannya terhadap keupayaan PNB sebagai pengurus dana terbesar untuk tents mengukuhkan kedudukannya, meskipun dalam sentimen pasaran semasa.

"Anda tidak perlu bimbang jika membuat pelaburan jangka panjang, apa yang paling membimbangkan ialah mereka yang me-

labur untuk jangka pendek.

"Secara logiknya, jika kita melabur dan mendapat pulangan besar, sudah tentu risikonya juga besar, tetapi apa yang berlaku sekarang apabila pelabur tidak memahami konsep pelaburan dan risiko, sebaliknya mengharapkan perolehan lumayan dan ini menyebabkan mereka terperangkap," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Sehari Bersama PNB-Editor di Kuala Lumpur, semalam.

Menyentuh mengenai keghairahan pelabur terhadap kaunter

berasaskan teknologi, Hamad Kama Piah berkata antara elemen penting yang perlu diberi perhatian ialah melihat potensi pelaburan syarikat itu dan siapakah yang mengendalikannya.

Beliau menegaskan PNB akan terus memainkan peranan penting bagi menyebarkan maklumat dalam usaha mewujudkan masyarakat pelabur yang celik pelaburan.

Dalam usaha menyediakan lebih banyak produk pelaburan berisiko rendah kepada pelabur, PNB akan melancarkan skim sa-

## kukuh di pasaran

ham amanah baru yang terbuka kepada bayi berumur enam bulan ke atas, termasuk bukan Bumiputera.

Hamad Kama Piah berkata, unit saham amanah berkenaan yang akan dijual pada harga RM1 dengan jumlah minimum RM100 sehingga maksimum RM50,000 berupaya memberi pilihan terbaik kepada pelabur.

"Harga saham unit ini akan kekal pada RM1 dan tidak berubah mengikut pasaran modal," katanya.

Produk terbaru itu akan dilan-

carkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 20 April ini bersempena Minggu Saham Amanah Malaysia yang berlangsung selama lima hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Minggu Saham Amanah Malaysia yang akan menjadi agenda tahunan negara adalah acara pertama seumpamanya di dunia dan menjadi sebahagian daripada program berterusan PNB untuk mendidik dan mendedahkan orang ramai mengenai potensi pelaburan dalam saham amanah.

Beliau menegaskan, kedudukan pasaran saham negara pada paras sederhana sekarang adalah tempoh terbaik untuk membuat pelaburan jangka panjang.

"Malah saya juga tidak bimbang terhadap pasaran sekarang kerana kami melihat prospek untuk jangka panjang," katanya.

PNB yang turut melabur dalam pelbagai sektor, merancang memberi tumpuan kepada kegiatan berasaskan teknologi selaras perkembangan pasaran ekonomi baru dan berasaskan pengetahuan.